

29 SEP 2002

Ling-Kerusi (Bergambar)

PERMINTAAN KERUSI TAMBAHAN PERLU DIBUAT SECARA TERTUTUP, KATA DR LING

JOHOR BAHRU, 29 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata parti itu akan meminta kerusi tambahan untuk bertanding di pilihan raya akan datang tetapi permintaan itu akan dibuat secara tertutup.

Dr Ling berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam yang mengingatkan semua parti komponen BN supaya tidak berebut kerusi-kerusi baru ekoran persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Ekoran persempadanan semula itu, SPR mengesyorkan tambahan sebanyak 25 kerusi Parlimen dan 59 kerusi Dewan Undangan Negeri diwujudkan di seluruh negara.

"Keputusan muktamad akan dibuat oleh Pengerusi BN (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) dan beliau sentiasa mendengar sebarang sebab dan hujah-hujah (mengenai permintaan kerusi baru) daripada semua pihak terlibat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) ke-26 di sini, hari ini.

Abdullah juga dilaporkan berkata apa yang penting ialah memastikan calon yang terpilih kelak akan menang dan sokongan padu perlu dihulurkan kepada calon yang terpilih untuk bertanding di kerusi itu.

Menurut Dr Ling, semua komponen parti BN perlu mengadakan perbincangan tertutup mengenai soal penambahan kerusi itu dan menambah kata bahawa MCA tidak ketinggalan untuk mengemukakan cadangan mengenai penambahan kerusi itu tidak lama lagi.

"Perbincangan sedang dijalankan... ia hal dalaman," kata beliau ketika ditanya bilakah MCA akan mengemukakan cadangan parti itu.

Terdahulu Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata bahawa MCA sejak dari dulu lagi amat mengutamakan agenda pendidikan kepada golongan belia dan remaja di negara ini.

"Pendidikan merupakan pelaburan yang sangat berguna, setiap ringgit yang dibelanjakan akan menaikkan taraf kehidupan, ia benar-benar industri yang menguntungkan, jadi kita peruntukan banyak daripada sumber dan tenaga kita bagi pendidikan," katanya.

Menurut beliau, MCA telahpun mengembangkan pendidikan bermula di peringkat rendah, menengah hingga ke peringkat universiti melalui projek-projeknya termasuk Projek Langkawi, pembinaan Kolej Tengku Abdul Rahman (TAR) dan kini menumpukan kepada cawangan Universiti Tengku Abdul Rahman (UTAR) di negara ini.

Menurut beliau, MCA juga berharap dapat memulakan projek pembinaan cawangan-cawangan kampus UTAR di Kedah dan Johor awal tahun depan di samping menjalin kerjasama erat bersama universiti-universiti luar negara, termasuk di United Kingdom (UK), Amerika Syarikat (USA) dan Australia.

"Jadi penuntut akan mempunyai pilihan yang luas dalam pendidikan ... mereka boleh ke Amerika, United Kingdom untuk melanjutkan pengajian dan baru-baru ini MCA telahpun membeli sebuah universiti di Perth, Australia," katanya.

Ketika berucap merasmikan majlis itu Dr Ling berkata empat asas penting yang membolehkan negara kita maju ialah, : pendidikan, latihan, perancangan dan perpaduan.

"Malaysia sebuah negara majmuk ... ciri-ciri kepelbagaian dalam

masyarakat kita inilah yang menjadi sumber kejayaan kita. Hasil kerjasama dan sikap dinamis masyarakat, kita telah menjadi contoh kepada negara-negara di dunia," katanya.

-- BERNAMA

RAM PR